

## *Penggunaan Teks Kesusasteraan Melayu Tradisional Dalam Membina Literasi Kritikal*

**Noorlin Haron**

noorlin\_haron@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Bedok Green**

### *Abstrak*

Kertas kajian ini meneroka kesesuaian pendekatan literasi kritikal (PLK) dalam kalangan murid sekolah rendah melalui pembacaan teks kesusasteraan tradisional Melayu. PLK menyokong pembaca untuk berusaha mengubah pemikiran dan pemahaman terhadap persekitaran mereka. PLK membolehkan murid yang mempunyai kesukaran untuk membaca, membongkar makna perkataan-perkataan dalam teks. Data kualitatif dikumpulkan daripada tujuh orang murid berusia antara lima dan enam tahun melalui pemerhatian, tanya jawab dan hasil lukisan mereka. Batasan dan pertimbangan adalah dengan cara pendidik menyerlahkan soalan-soalan kritis agar pandangan murid menjadi lebih holistik. Penemuan ini boleh menjadi rujukan bagi guru bahawa pemahaman awal murid dapat mempengaruhi fikiran dan prestasi akademik serta nilai dalam kehidupan mereka.

**Kata Kunci:** pendekatan literasi kritikal, bahasa ibunda, teks kesusasteraan Melayu tradisional



## PENGENALAN

Pendekatan literasi kritikal memerlukan pembaca merungkai kandungan teks dan proses bacaannya bagi pembaca membina pemahaman tentang teks yang mereka baca, dan bagaimana perspektif penulis dan strategi bahasa dan penulisan dapat mempengaruhi pendapat dan sikap pembaca. Lantas, seorang pembaca berusaha membina pemahaman dan penghayatan untuk dirinya bagi meluaskan pemikiran dan pengembangan kognitif dan sosial mereka (Dozier et al., 2006; Lewison et al., 2002; McLaren, 2007)

Kepentingan literasi kritikal sebagai satu strategi dalam pendidikan kurang ditekankan terutamanya di peringkat awal sekolah rendah. Antara persoalan yang dipertikaikan ialah kesediaan murid semuda enam tahun untuk berfikir kritis kerana dianggap masih belum tahu dan berkemungkinan belum bersedia untuk membaca.

Sebenarnya, murid pada usia prasekolah sudah dapat mengambil bahagian dalam perbincangan berdasarkan penggunaan soalan-soalan yang guru ajukan (Chafel et al., 2007). Apabila murid-murid bertanya soalan kritikal mengenai teks, mereka sedang membina kemahiran membaca dan pemikiran yang boleh membawa kepada pemahaman yang kukuh tentang bagaimana teks dibina dan berfungsi, bagaimana murid dapat lebih mengetahui tempat mereka dalam proses membaca, dan di mana mereka dapat menyesuaikan diri dengan dunia sosial sekeliling.

Walau bagaimanapun, pendekatan literasi kritikal di peringkat awal terutamanya dalam konteks dwibahasa belum lagi ditekankan. Oleh itu, amatlah penting untuk menangani keperluan literasi kritikal di dalam bilik darjah dwibahasa, terutamanya dalam konteks Singapura di mana penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama dan Bahasa Melayu, sebagai bahasa Ibunda, dititikberatkan.

## PERNYATAAN MASALAH

Sastera rakyat Melayu ialah produk kesusasteraan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu dan telah disampaikan secara lisan dari generasi turun-temurun. Cerita-cerita ini menentukan siapa dan bagaimana masyarakat menjalani kehidupannya pada zaman tersebut. Kisah-kisah ini membantu dalam menunjukkan bagaimana masyarakat Melayu memandang dan menyampaikan tanggapan mengenai keadilan dan kewajipan sosial rakyatnya. Selain itu, kisah-kisah ini merangkumi harapan dan aspirasi majoriti masyarakatnya dan



digunakan untuk menyampaikan dan memelihara nilai budaya masyarakat tersebut.

Genre kesusasteraan rakyat yang didapati paling sesuai untuk kanak-kanak ialah jenis cerita teladan dan cerita binatang. Biasanya, kandungan cerita-cerita rakyat ini berunsur didaktik dan sarat dengan nilai-nilai moral bagi pemupukan nilai budaya atau rohani (Harun Mat Piah, 2006). Disebabkan terdapat banyak mesej yang tersirat, ramai ibu bapa dan guru menganggap cerita-cerita yang diteliti sebagai sukar untuk difahami oleh murid pada peringkat awal sekolah rendah yang masih berfikiran cetek. (Chew dan Ishak, 2010).

Dalam kajian yang melibatkan pembacaan buku cerita dengan anak-anak dalam keluarga India dan Melayu, Sripathy (1994) menyampaikan beberapa gambaran tentang bagaimana konsepsi budaya literasi dapat mempengaruhi bacaan dalam bahasa Inggeris, dan norma yang ditetapkan oleh ibu bapa Singapura (atau bahkan guru). Sripathy (1998) mengkaji dua pendekatan pedagogi yang diamalkan di banyak bilik darjah utama hari ini - Membaca Bersama (*Shared Book Reading*) dan Bercerita di Kelas (*Class Dictated Story*). Aktiviti seperti ini melibatkan proses kerjasama antara guru dan murid bagi memastikan keberkesanannya dengan mengambil kira keperluan dwibahasa dalam sistem pendidikan kita.

Justeru, pendekatan literasi kritikal dipercayai dapat meningkatkan pemikiran kritis kanak-kanak agar mereka dapat membaca teks dengan lebih aktif di samping menggalakkan mereka untuk mengenali sastera tradisional Melayu dengan lebih dekat lagi.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk:

1. melihat keberkesanan pendekatan literasi kritikal bagi membantu murid di peringkat awal sekolah rendah untuk merungkai teks terutamanya mengenai peranan jantina; dan
2. memahami cabaran untuk melaksanakan literasi kritikal dalam kalangan murid di peringkat awal sekolah rendah dalam konteks dwibahasa.



## KAJIAN LEPAS

Terdapat hasil kajian yang membincangkan peranan literasi kritikal, contohnya oleh James dan McVay (2009); Meller et al., (2009); Vasquez dan Felderman (2012). Meller et al. (2009) mengkaji bagaimana pendekatan literasi kritikal yang menggalakkan kanak-kanak memikirkan tentang isu-isu sosial dan budaya. Mereka mendakwa bahawa literasi kritikal membantu kanak-kanak belajar berfikir secara kritis tentang apa yang mereka baca dan mempersoal kebiasaan dalam hidup kita.

Kajian Woods (2009) juga menyokong pendekatan ini kerana kurikulum literasi kritikal dapat menggalakkan pelibatan kanak-kanak secara aktif dalam perbincangan berkaitan buku dan mengaitkan isinya dengan pengalaman kehidupan mereka. Woods telah menyanggah beberapa anggapan tentang ketidakupayaan kanak-kanak untuk melibatkan diri secara kritis. Tambahan juga, Vasquez (2010) telah membuktikan bahawa literasi kritikal boleh dilakukan dari peringkat awal lagi.

Dapatan Wallace (2003) menunjukkan kanak-kanak yang belajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, dapat berfikir kritis dalam pelbagai genre teks – iklan, majalah dan surat khabar. Hasil kajian literasi kritikal mendapati bahawa kandungan teks bacaan harian yang dapat membina pemikiran kritis kanak-kanak dan bukan sahaja pembaca yang matang.

Lantas, kajian ini cuba mengetengahkan pendapat bahawa kanak-kanak dan pelajar bahasa kedua boleh melibatkan diri dalam literasi kritis tanpa perbendaharaan kata yang luas dan pengetahuan tentang tatabahasa. Ciri-ciri teknikal sesuatu bahasa boleh dipelajari sebagai sebahagian daripada arahan yang berkaitan dengan teks yang dianalisis. Apabila melakukan literasi kritis, apa yang penting ialah penggunaan bahasa untuk menilai, menganalisis dan mengkritik (Egawa dan Harste, 2001).

Secara amnya, keupayaan membaca atau celik huruf dilihat sebagai satu set kemahiran kognitif. Dari perspektif sedemikian, menjadi ‘pembaca yang mahir’ ialah penguasaan satu set kemahiran yang jelas. Kanak-kanak mula belajar untuk membaca, kemudian mereka menjadi fasih dalam mengenal perkataan, dan akhirnya mengembangkan kemahiran untuk menjadi pembaca yang lancar. Maka, secara automatik, proses pemahaman akan lebih mudah bagi kanak-kanak pada usia yang lebih tua kerana mereka sudah menguasai bahasa.



Secara keseluruhan, kajian-kajian ini menunjukkan bahawa guru dapat membangunkan suasana literasi kritikal dengan sokongan, perancangan pembelajaran yang betul, pemilihan teks yang dapat dikaitkan dengan pengalaman peribadi atau budaya murid, dan arahan eksplisit tentang cara 'berinteraksi' dengani teks secara kritis (Choo dan Singha, 2011).

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian kualitatif yang berskala kecil ini bertujuan untuk memahami dan menganalisis literasi kritikal murid berdasarkan teks sastera Melayu tradisional yang telah mereka baca dan penggunaan dua bahasa semasa interaksi.

Kajian ini juga merupakan usaha untuk menggunakan pendekatan literasi kritikal dalam meneliti bacaan dalam kalangan murid di peringkat rendah di Singapura. Sejauh yang kita maklum, kurikulum Bahasa Melayu di Singapura memberi tumpuan kepada pembinaan literasi asas melalui pemerolehan kosa kata dan lain-lain lagi. Walaupun ada pendedahan dalam kurikulum untuk menggunakan buku cerita dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), namun ramai pendidik yang tidak menyedari tentang kepentingan literasi kritikal dalam kalangan murid terutamanya di peringkat awal sekolah rendah.

Menerusi sesi ini, murid dibimbing untuk memperlihatkan pemikiran kritis melalui sesi interaksi berdasarkan Strategi Dialogik yang dijalankan. Selepas membaca teks, guru meminta murid untuk memamer pemahaman mereka melalui lukisan. Bagi aktiviti ini, guru telah menyediakan sekeping kertas kosong dan beberapa pena berwarna untuk murid melukis kandungan cerita mengikut pemahaman mereka. Matlamat aktiviti literasi kritis ini adalah untuk membantu murid termasuk yang belum mahir membaca mengupas pemahaman teks dengan cara yang berbeza.

Pelaksanaan kajian ini juga menerapkan Amalan Pengajaran Singapura (STP) dalam pengajaran dan pembelajarannya. Penerapan elemen-elemen STP dilakukan bagi memastikan PdP menjadi lebih sistematik dengan memberikan tumpuan kepada beberapa aspek pengajaran dan aktiviti mengajar. Elemen STP yang diambil kira dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah ini.



**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura**

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP 14: Merangsang Minat	<p>AM 1 : Menggunakan Cerita dan Imej Guru membincangkan cerita berdasarkan gambar (<i>Picture Talk</i>). Sebelum membaca teks, guru berinteraksi dengan murid berdasarkan ilustrasi dalam buku.</p> <p>Murid membina pengetahuan mereka sendiri tentang cerita-cerita yang telah dibacakan guru. Murid memberi respons dan membuat spekulasi tentang cerita-cerita tersebut.</p>
	AP 20: Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran	<p>AM 6: Menjelaskan-Meneka-Mempengaruhi Guru membina soalan-soalan yang akan menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan murid. Perbincangan akan bergerak melampaui soalan yang lumrah kepada soalan yang membantu murid memberi perspektif mereka, memikirkan kesan dan impak sesuatu perkara dan membuat refleksi mengenai tindakan yang mereka ambil. Pemahaman yang lebih mendalam yang melampaui ilustrasi dan kandungan teks diharapkan akan dapat dicapai melalui aktiviti ini.</p> <p>Murid dibimbing untuk memperhalus pemikiran mereka dengan soalan-soalan refleksi dan empati.</p>
Penilaian dan Maklum Balas	AP 22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	<p>AM 4: Kongsi Pembelajaran Saya Penilaian formatif membimbing metakognitif murid. Memberi ruang untuk murid menyemak dan menilai pembelajaran mereka dan mendalami pemahaman pelajaran yang diajar. Ini dilakukan melalui respons mereka berdasarkan hasil lukisan mereka.</p>

Penerangan dan Justifikasi	Guru merangsang minat murid dengan menggunakan cerita dan imejan untuk mencungkil pengalaman sedia ada mereka dan mengaitkannya dengan cerita-cerita yang dibaca. Guru membina pemahaman murid mengenai cerita yang diperkenalkan melalui soalan-soalan yang menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan murid. Guru menyediakan ruang pembelajaran yang membenarkan murid memberikan pendapat mereka mengenai cerita atau watak, memikirkan kesan dari tindakan yang dipilih dan melakukan refleksi mengenai tindakan yang dipilih. Penilaian dilakukan dengan melihat keupayaan murid menyerlahkan perspektif mereka melalui lukisan bagi menyatakan perasaan mereka terhadap isu yang dibincangkan.
----------------------------	---

### Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada tujuh murid Darjah 2 dalam kumpulan di bawah aras keupayaan. Mereka merupakan murid yang masih tidak berupaya membaca dengan lancar. Antara kriteria utama dalam pemilihan kanak-kanak ini ialah latar belakang pendidikan ibu bapa dan pendedahan kepada pembacaan buku bersama-sama dengan ibu bapa mereka. Murid ini lebih cenderung untuk memberi respons dalam ayat bahasa Inggeris yang tidak gramatis.

### Instrumen Kajian

Hasil dapatan telah ditukil daripada enam sesi PdP. Ini dilakukan melalui pemerhatian, temu bual dan lukisan serta hasil kerja murid.

Sebanyak enam waktu PdP yang berlangsung selama 40 minit bagi setiap sesi telah dijalankan. Dua teks sastera tradisional Melayu dibaca melalui pendekatan ‘Membaca Bersama’. Murid menjawab beberapa soalan berdasarkan strategi ‘Penyoalan Berdasarkan Dialogik’ yang berkaitan dengan ilustrasi dalam buku cerita. Selepas sesi bacaan tersebut, murid diminta melukis sebagai gambaran respons mereka terhadap teks itu. Selepas itu, murid akan ditemu bual atau terlibat dalam aktiviti tanya jawab. Ini dilakukan untuk memberi kesempatan kepada murid mengembangkan dan menjelaskan respons mereka semasa perbincangan dijalankan. Seterusnya ialah lukisan yang dihasilkan oleh murid. Artifak lukisan ini merupakan respons murid semasa proses memahami dan mengolah semula teks cerita.



## Prosedur Kajian

### *Kesesuaian Pemilihan Buku Sastera Pilihan*

Kajian ini tertumpu pada dua cerita rakyat Melayu tradisional iaitu cerita 'Bawang Putih, Bawang Merah' dan cerita binatang, 'Sang Kancil Menipu Buaya'. Pemilihan buku-buku ini dianggap tepat untuk menyerlahkan penggunaan hasil sastera Melayu kepada generasi baharu.

Pemilihan kedua-dua cerita rakyat Melayu ini dianggap tepat untuk memperkenalkan dan mencetuskan minat dalam kalangan murid sekolah rendah. Antaranya ialah watak binatang yang lebih menarik perhatian kanak-kanak (Rosenblatt, L. M., 1938) dan 'Bawang Putih, Bawang Merah' yang mempunyai latar seperti buku cerita Inggeris, 'Cinderella' yang sangat rapat pada hati murid di peringkat sekolah rendah.

Buku-buku ini juga dipertimbangkan kerana ia mempunyai potensi untuk murid memberikan banyak pendapat dan tindak balas dengan lebih aktif yang melampaui hanya bercakap tentang ilustrasinya. Tambahan, buku cerita tradisional kanak-kanak ini juga berpotensi untuk mencetuskan perbualan yang menarik tentang perspektif pelbagai isu sosial, termasuk peranan gender yang berbeza dalam kalangan murid.

Justeru, penggunaan bahan kesusasteraan tradisional dianggap sesuai kerana bahan tersebut sarat dengan isu sosial dan mengandungi nilai moral yang dapat diterapkan dalam PdP. Sastera rakyat tradisional adalah penting kerana ia banyak mengajar tentang budaya dan nilai-nilai masyarakat. Kerangka literasi kritikal digunakan untuk menganalisis teks terpilih bagi menghasilkan pembinaan soalan yang lebih kritikal.

### *Mengaktifkan Pengetahuan Terdahulu*

Sebelum membaca dengan lantang, pengkaji telah menjalankan pelajaran mini mengenai teks untuk merungkai 'suara' penulis. Setiap murid digalakkan mencipta cerita berdasarkan gambar yang diberikan. Ini dilakukan supaya murid dapat mengaitkan gambar itu dengan cerita dan disampaikan dalam cara yang berbeza. Sebelum pembacaan, murid akan meramalkan jalan cerita berdasarkan tajuk cerita. Guru menggalakkan murid untuk menyusun cerita dalam fikiran mereka sebelum guru membaca teks.





Sebelum membaca lantang, guru membincangkan cerita berdasarkan gambar (*Picture Talk*) dengan menggunakan bahasa Melayu. Sebelum membaca teks, guru berinteraksi dengan murid berdasarkan ilustrasi dalam buku. Soalan-soalan berasaskan Taksonomi Bloom akan ditanyakan kepada murid. Aktiviti ini dijalankan untuk memastikan murid dapat terlibat dan membina pengetahuan mereka sendiri tentang buku-buku tersebut. Kemudian, guru membaca cerita dan murid diminta untuk menelaah perkembangan cerita. Mereka juga digalakkan untuk mengambil bahagian dalam cerita sebagai watak yang terdapat dalam buku.

Murid diminta untuk mengaitkan cerita dengan pengalaman sedia ada mereka. Murid akan ditanya soalan-soalan yang dapat mendorong mereka memikirkan perspektif alternatif. Semasa perbincangan, murid digalakkan untuk berinteraksi antara sesama sendiri. Mereka berkongsi respons dengan menggunakan kedua-dua bahasa. Penelitian yang tidak formal dilakukan melalui soalan-soalan yang ditanyakan dalam Strategi Dialogik bagi bacaan secara lantang teks-teks yang ingin dikaji.

Antara soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru adalah seperti berikut:

- Siapa yang menceritakan kisah ini?
- Apakah yang ingin pencerita ini mahu kamu fikirkan?
- Apakah yang kamu lihat di halaman ini?
- Apakah yang membuatkan kamu mengatakan begitu?
- Apakah lagi yang kamu lihat pada gambar ini?

Kemudian, guru akan bercerita dengan menggunakan teknik dan intonasi yang sesuai. Sebenarnya, murid boleh belajar untuk membuat kaitan bagi teks-teks yang dibaca dan menanggapi soalan seperti “Mengapakah kamu fikir watak itu miskin?” (Chafel et al., 2007). Apabila murid bertanya soalan kritikal mengenai teks, mereka sedang mengasah kemahiran kefahaman membaca dan mengetahui tahap keupayaan mereka dalam proses membaca.

Sejurus itu, murid digalakkan untuk membina semula cerita mereka sendiri dalam bentuk lukisan. Bagi aktiviti ini, guru menggalakkan murid untuk mengintepretasikan teks dalam perspektif yang berbeza dan mencabar pandangan penulis. Strategi ini bertujuan untuk menggalakkan corak pemikiran bebas, dan bukannya memberikan jawapan yang tepat. Guru menerima setiap komen tanpa menilai salah betul respons tersebut. Murid belajar melakukan pemerhatian terperinci, menganalisis tindak balas mereka dan menyatakan pandangan mereka. Dengan ini, murid dapat melakukan dekonstruksi sudut



pandangan alternatif mereka dengan menarik. Guru mendengar dengan teliti untuk memahami apa yang dikatakan oleh murid dan membuat kaitan dengan gambar-gambar yang terdapat dalam buku. Guru mentafsir setiap respons murid, dan memahami serta mencatat maksud yang telah disampaikan oleh murid. Dalam merumus respons murid, guru juga menunjukkan membantu pembinaan ayat yang betul dan kosa kata yang sesuai bagi membantu pemerolehan bahasa mereka.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan potensi dan cabaran apabila melaksanakan pedagogi literasi kritikal dalam kalangan murid di bawah aras keupayaan. Melalui kajian ini, guru memastikan murid melibatkan diri secara aktif dengan cara sentiasa bertanyakan soalan-soalan secara kritis di sebalik cerita yang dibacakan. Proses ini dapat membantu proses menyusun semula cerita-cerita yang didengar dan dibaca bersama. Soalan-soalan yang dikemukakan juga mendorong murid untuk melihat dan menimbangakan kepelbagaian dalam intepretasi dan jua perspektif dalam cerita.

Sesi kitaran menyusun semula dan melakukan dekonstruksi bagi cerita menggalakkan pembinaan pelbagai pandangan dalam teks. Pendekatan literasi kritikal telah dilaksanakan berdasarkan soalan-soalan mengikut aras Taksonomi Bloom.

### *Rekonstruksi Cerita ‘Kancil Menipu Buaya’*

Semasa membaca, penyelidik mengutarakan beberapa soalan untuk merungkai ‘suara’ penulis. Ini mencetuskan kepelbagaian perspektif dalam kalangan murid. Berikut ialah cuplikan perbincangan tentang watak Buaya.

**Jadual 2: Respons Murid bagi Rekonstruksi Cerita**

Guru	Mengapakah binatang-binatang takut akan Buaya? ( <i>menunjuk ke arah ilustrasi pada halaman 6</i> )
Murid	....dia want (hendak) makan (eat)
Guru	Oh ya? Adakah betul Buaya mahu makan kesemua binatang di sini? Adakah semua bersetuju dengan pandangan ini?
Murid-murid	(Angguk) Ya. Memang, dia (ia) jahat.

Dalam perbualan di atas, guru mendorong murid untuk memahami cerita ‘Kancil Menipu Buaya’ dari perspektif watak Buaya. Ada beberapa murid telah memberi respons yang berbeza menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

**Jadual 3: Respons Murid bagi Proses Dekonstruksi Cerita**

Guru	Betul. Buaya Nampak jahat. Hmm..kenapa Buaya mahu makan semua binatang?
Murid	Sebab (dia) <i>hungry</i> (lapar)
Guru	Ya, betul. Buaya lapar. Jika kita lapar, kita akan ....?
Murid-murid	Makan!
Guru	Ya, betul. Tetapi jika kita tiada makanan, apakah yang kita makan?
Murid-murid	(berfikir)
Murid	Buaya boleh makan (benda) lain. Binatang lain boleh kasi (beri) Buaya makan.
Murid	<i>Tapi</i> (Tetapi) <i>crocodile</i> (buaya) <i>tak</i> (tidak) <i>eat leaf</i> . (tidak makan daun)

Semasa perbincangan tentang sikap Buaya, murid telah dapat meluaskan skema dan mengubah cerita asal melalui proses dekonstruksi. Misalnya, ada murid yang mencadangkan cara lain agar watak Buaya tidak berasa lapar. Namun, ada seorang murid lain telah mencabar idea murid tersebut. Sikap sedemikian ini sebenarnya menunjukkan murid ada pengetahuan sedia ada mengenai diet pemakanan buaya.

Semasa perbincangan, kelihatan tanggapan dan respons negatif murid lain terhadap Buaya semakin berkurangan. Ini jelas terpapar melalui hasil lukisan mereka. Guru meminta murid bercerita tentang lukisan mereka. Kebanyakan murid telah menggantikan watak Buaya dengan watak yang baik. Berikut ialah contoh-contoh respons murid.



## Rajah 1: Hasil Lukisan Murid Mengenai Watak Buaya



Berdasarkan hasil lukisan murid, didapati bahawa persepsi murid terhadap watak buaya yang ganas telah berubah. Lukisan mereka menonjolkan perubahan pada Buaya yang asalnya negatif, kini digambarkan lebih positif dan dapat berinteraksi dengan binatang-binatang lain di dalam hutan seperti monyet, burung dan kancil, dan juga manusia. Murid telah membayangkan binatang-binatang ini dapat hidup dengan rukun. Sebab utamanya ialah murid sudah dapat memahami sudut pandangan watak Buaya. Justeru, kitaran dekonstruksi cerita dari perspektif Buaya telah mencetuskan jalan cerita yang baharu.

### *Rekonstruksi Cerita 'Bawang Merah, Bawang Putih'*

Semasa penceritaan cerita 'Bawang Putih, Bawang Merah', murid telah meluahkan ketidaksenangan mereka terhadap ibu tiri Bawang Merah. Namun, pandangan ini telah berubah setelah menilai cerita daripada perspektif Bawang Putih. Semasa penyelidikan mengemukakan beberapa soalan tentang sikap Bawang Putih dan ibu tiri Bawang Merah, murid telah melakukan dekonstruksi cerita asal dari kedua-dua watak tersebut.


### Jadual 4: Respons Murid bagi Proses Dekonstruksi Cerita

Guru	Mengapa agaknya Bawang Putih tidak suka akan Bawang Merah?
Murid	<i>Because</i> (Sebabnya) dia (Bawang Merah) <i>pretty</i> (cantik)
Guru	Kenapa?
Murid	Sebab dia (Bawang Merah) cantik tapi dia (Bawang Putih) tak lawa. (menunjuk ke arah ilustrasi) Tengok (Lihat) ini.
Murid	Jadi, kalau Bawang Putih cantik, Bawang Merah pun mesti cantik.

Guru	Kalau kedua-dua Bawang Putih dan Bawang Merah cantik, apakah yang akan terjadi?
Murid	Tak (Tidak ) boleh. Nanti Bawang Merah jadi jahat. Sebab dia nak jadi paling cantik.

Jika dianalisis, murid telah menghubungkaitkan informasi baharu dengan pengetahuan sedia ada mereka. Pengolahan murid kepada penggubalan jalan cerita yang baharu jelas menunjukkan perhubungan watak protagonis dan antagonis menjadi lebih kompleks. Watak Bawang Merah dianggap berubah menjadi watak jahat setelah impian Bawang Merah yang menjadi gadis paling cantik tercapai. Dalam proses ini, murid telah berjaya melalui kitaran membina semula hubungan antara watak. Berikut ialah gambaran respons murid.

### Rajah 2: Hasil Lukisan Murid Mengenai Watak Bawang Merah



### *Mencabar Peranan Gender yang Tradisional*

Kanak-kanak mula peka akan stereotaip gender pada usia yang sangat muda. Ini dapat dilihat melalui pemerhatian mereka melalui hal-hal yang berkaitan dengan peranan gender lelaki dan perempuan (Aina and Cameron, 2011). Melalui soalan-soalan yang diajukan, guru telah menggalakkan murid untuk memikirkan semula tentang peranan gender yang dipaparkan.

### Jadual 5: Respons Murid Mengenai Peranan Jantina

Guru	Bawang Merah bekerja keras. Kalau kita kerja dari pagi sampai petang, kita boleh rasa penat?
Murid lelaki	Penat. Tapi, saya tolong Mak lap tingkap.
Guru	Adakah semua orang harus saling bantu-membantu di rumah?



Murid lelaki 1	Saya <i>always sweep</i> (sapu)
Murid lelaki 2	Ya, saya pun.

Melalui perbincangan, guru telah memaparkan sikap Bawang Merah yang telah bekerja keras di rumah. Murid melihat bagaimana watak Bawang Merah yang selalu diperintah untuk membuat kerja rumah. Murid mengulas tentang peranan ahli keluarga yang harus saling bantu-membantu.

Lantas, secara tidak langsung, murid telah berjaya melakukan dekonstruksi stereotaip pada peranan wanita. Murid telah mengaitkan pengalaman sedia ada mereka yang suka mengemas rumah kerana ingin membantu ibu. Murid juga telah menyuarakan pandangannya bahawa semua ahli keluarga harus saling bekerjasama dan tiada perbezaan antara lelaki dan perempuan.

## KESIMPULAN

Walaupun kajian berskala kecil, pengkaji melihat pelaksanaan literasi kritikal dalam PdP di sekolah rendah. Pelaksanaan literasi kritikal ini penting untuk membina keyakinan murid yang mempunyai kesukaran membaca melalui prosestanya jawab bagi meraih dan menggalakkan kepelbagaian pandangan dan mentafsirkan kehidupan dalam sekitaran mereka.

Sebagai seorang pendidik yang ingin menjalankan PdP literasi kritikal, guru harus bersikap reflektif dan fleksibel dalam mengimbangi peranan sebagai pembimbing dan pemudah cara agar dapat sentiasa “...ask complicated questions about language and power, about people and lifestyle, about morality and ethics, and about who is advantaged by the way things are and who is disadvantaged” (Comber, 2001). Hal ini penting agar pandangan dan perspektif guru tidak mempengaruhi perspektif murid terutamanya dalam sesi dialogik. Seterusnya, dapat melihat bagaimana murid di bawah aras keupayaan masih berupaya menjalani proses ‘dekonstruksi’, menganalisis sebuah teks dan dapat membina teks yang baharu.

Walaupun kajian ini kecil, namun dapat dilihat bagaimana melalui literasi kritis, murid semuda ini berupaya untuk menjadi pembina makna yang kritikal yang dapat mentafsir semula gambaran dunia mereka dengan lebih holistik dan inklusif, dan berpotensi untuk dipupuk pemikiran yang kritis dalam konteks susunan sosial yang berubah mengikut masa. Justeru, kaedah literasi kritikal boleh dilihat sebagai pemangkin untuk membina pemikiran generasi muda kita untuk bukan sahaja menjadi warganegara global tetapi



juga mempunyai nilai moral yang tinggi dan kecerdasan emosi yang mantap serta seimbang.

## RUJUKAN

- Anderson, G. L., & Irvine, P. (1993). *Informing critical literacy with ethnography*. dalam C. Lankshear & P. McLaren (Eds), *Critical Literacy: Politics, Praxis, and the Postmodern* (pp. 81-104). New York: State University of New York Press.
- Bourke, R. T. (2008). *First graders and fairy tales: One teacher's action research of critical literacy*. *The Reading Teacher*, 62(4), 304-312.
- Dozier C, Johnston P and Rogers R (2006) *Critical Literacy Critical Teaching: Tools for Preparing Responsive Teachers*. New York: Columbia University.
- Egawa, K., & Harste, J. C. (2001). Balancing the literacy curriculum: A new vision. *School Talk*, 7(1).
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Rahmat, Hadijah. (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Richardson, V. (2003). Preservice teachers' beliefs. In J. Raths & A. C. McAninch (Eds.), *Teacher beliefs and classroom performance: The impact of teacher education* (pp.1-22). USA: Information Age Publishing.
- Vasquez, V. (2010). *Getting beyond "I like the book": Critical space for critical literacy in K-6 classrooms*. Newark, DE: International Reading Association

